



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 733**

**AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN  
KAMPONG BHARU 2011**

Tarikh Perkenan Diraja        ...        25 Disember 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta*        ...        30 Disember 2011

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 733****AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN  
KAMPONG BHARU 2011**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****PERBADANAN**

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Perbadanan
6. Jadual Pertama
7. Tempoh jawatan
8. Saraan dan elaun
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
12. Jawatankuasa
13. Penzahiran kepentingan

**BAHAGIAN III**  
**FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN**

Seksyen

14. Fungsi Perbadanan
15. Kuasa Perbadanan
16. Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan
17. Arahan oleh Menteri
18. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

**BAHAGIAN IV**  
**MAJLIS PENASIHAT**

19. Majlis Penasihat
20. Keanggotaan Majlis Penasihat
21. Tempoh jawatan
22. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
23. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
24. Pengosongan jawatan dan pengisian kekosongan
25. Penzahiran kepentingan
26. Elaun

**BAHAGIAN V**  
**PEKERJA PERBADANAN**

27. Ketua Pegawai Eksekutif
28. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
29. Pelantikan pekerja Perbadanan
30. Syarat perkhidmatan
31. Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan
32. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
33. Surcaj
34. Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

Seksyen

35. Kumpulan Wang
36. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
37. Pemeliharaan Kumpulan Wang
38. Kumpulan wang rizab
39. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
40. Akaun bank
41. Kuasa untuk meminjam
42. Pelaburan
43. Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan
44. Batasan kontrak
45. Tatacara kewangan
46. Tahun kewangan
47. Akaun dan laporan
48. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN VII

AM

49. Pendakwaan
50. Pekhidmat Awam
51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
52. Obligasi kerahsiaan
53. Pewakilan dalam prosiding sivil
54. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
55. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 733**

### **AKTA PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU 2011**

Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan pembangunan Kampong Bharu, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

##### **Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jawatankuasa” ertinya mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Perbadanan di bawah seksyen 12;

“kawasan pembangunan Kampong Bharu” ertinya mana-mana kawasan di sekitar Kampong Bharu yang diisyiharkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* untuk dibangunkan;

“kepentingan orang Melayu” termasuklah kepentingan sosial dan ekonomi, dan warisan, adat, budaya dan nilai sejarah, orang Melayu di Kampong Bharu;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 27;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang ditubuhkan di bawah seksyen 35;

“Majlis Penasihat” ertinya Majlis Penasihat yang ditubuhkan di bawah seksyen 19;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan Kampong Bharu;

“pekerja” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Perbadanan di bawah seksyen 29, dan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif;

“pelan struktur” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267];

“pelan tempatan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

BAHAGIAN II  
PERBADANAN

**Penubuhan Perbadanan**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu” ditubuhkan.

(2) Perbadanan adalah kekal turun temurun dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak; dan
- (b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan tak alih dan kepentingan mengenai harta alih dan tak alih—
  - (i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan
  - (ii) memegang, menikmati, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, mengadaikan, mengadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat urusan mengenai, apa-apa harta dan kepentingan yang terletak hak pada Perbadanan.

**Meterai perbadanan**

**4.** (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai Perbadanan.

(3) Meterai Perbadanan hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan, dan hendaklah ditentusahkan sama ada oleh Pengerusi atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai Perbadanan dan ditentusahkan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Perbadanan atau mana-mana pekerja Perbadanan yang diberi kuasa bagi pihak Perbadanan.

(6) Meterai Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Keanggotaan Perbadanan**

**5.** (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri tertakluk kepada kelulusan Perdana Menteri;
- (b) Timbalan Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu;
- (c) tidak lebih daripada dua orang wakil Kerajaan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar atau wakilnya;
- (e) Datuk Bandar Kuala Lumpur atau wakilnya;
- (f) seorang yang mewakili Kerajaan Negeri Selangor, yang dinamakan oleh Raja Negeri Selangor, dan yang hendaklah dilantik oleh Menteri;

- (g) lima orang yang dinamakan daripada kalangan tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu, yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
  - (h) tidak lebih daripada tiga orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan, pengendalian dan pentadbiran hal ehwal Kampong Bharu atau apa-apa kelayakan sesuai yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.
- (2) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah seorang Melayu mengikut pengertian yang diberikan kepadanya di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.
- (3) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan hendaklah menjadi Setiausaha kepada Perbadanan.

### **Jadual Pertama**

- 6.** (1) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Perbadanan.
- (2) Menteri boleh meminda Jadual Pertama melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Tempoh jawatan**

- 7.** Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat pelantikannya, seseorang anggota Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (c), (f), (g) atau (h) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

### **Saraan dan elaun**

- 8.** (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Semua anggota lain Perbadanan hendaklah dibayar apa-apa elauan pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Menteri.

### **Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**9.** (1) Pelantikan mana-mana anggota Perbadanan di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (c), (f), (g) atau (h) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri.

(2) Mana-mana anggota Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (c), (f), (g) atau (h) boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

### **Pengosongan jawatan**

**10.** Jawatan seseorang anggota Perbadanan hendaklah menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —
  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
  - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal seseorang anggota Perbadanan selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Menteri;
- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri di bawah subseksyen 9(1); atau
- (h) jika peletakan jawatannya di bawah subseksyen 9(2) diterima oleh Menteri.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**11.** Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Perbadanan untuk bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

**Jawatankuasa**

**12.** (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Perbadanan boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Perbadanan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Perbadanan boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(6) Seseorang pengerusi jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Perbadanan.

(7) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(8) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(10) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Perbadanan.

(11) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengurusi jawatankuasa itu.

(12) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Perbadanan dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(13) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(14) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (13) boleh dibayar apa-apa elauan dan belanja lain yang ditentukan oleh Perbadanan.

### **Penzahiran kepentingan**

**13.** (1) Seseorang anggota Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Perbadanan atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Perbadanan atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa, ertinya—

- (a) orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substantial dalam perbadanan itu.

### BAHAGIAN III

#### FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

#### **Fungsi Perbadanan**

**14. (1)** Fungsi Perbadanan adalah—

- (a) untuk melaksanakan dasar, arahan dan strategi berhubung dengan pembangunan di dalam kawasan pembangunan Kampong Bharu mengikut pelan struktur dan pelan tempatan yang disediakan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982;
- (b) untuk bertindak sebagai badan penyelaras utama berhubung dengan pembangunan, pembangunan semula atau penambahbaikan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (c) untuk memajukan, merangsang, menggalakkan dan memudahkan, di dalam kawasan pembangunan Kampong Bharu—
  - (i) pertumbuhan ekonomi, komersial dan perindustrian; dan

(ii) pembangunan—

- (A) perkhidmatan infrastruktur dan utiliti;
  - (B) kawasan kediaman;
  - (C) kemudahan pendidikan;
  - (D) kemudahan penjagaan kesihatan;
  - (E) aktiviti sosial, kebudayaan dan pelancongan dan kesenian; dan
  - (F) kemudahan sukan dan rekreasi;
- (d) untuk menyebarkan apa-apa maklumat mengenai potensi pelaburan dan pemasaran kepada pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dalam kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (e) untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam pembangunan yang dinyatakan dalam subperenggan (c)(ii);
- (f) untuk mengenal pasti dan mengesyorkan strategi dan inisiatif bagi pengadaan infrastruktur yang diperlukan, bagi pengekalan dan perkembangan ekonomi kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (g) untuk menguruskan dan mempromosi penjualan harta tanah di dalam kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (h) untuk memberikan khidmat nasihat dan perundingan kepada mana-mana orang berhubung dengan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (i) untuk menghendaki mana-mana orang yang berhasrat untuk membangunkan kawasan pembangunan Kampong Bharu supaya mengemukakan apa-apa dokumen yang mengandungi cadangan pembangunan itu kepada Perbadanan;
- (j) untuk menyimpan dan menyenggara rekod dan dokumen yang berhubungan dengan pembangunan kawasan pembangunan Kampong Bharu; dan
- (k) untuk melakukan segala benda yang wajar atau suai manfaat atau perlu untuk atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Menjadi tanggungjawab Perbadanan dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi itu dilaksanakan mengikut pelan struktur dan pelan tempatan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 dan apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

(3) Bagi maksud menjalankan mana-mana fungsinya di bawah subseksyen (1), Perbadanan boleh melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Perbadanan hendaklah menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (1) dengan apa-apa cara yang perlu demi melindungi, memelihara dan memulihara kepentingan orang Melayu.

### **Kuasa Perbadanan**

**15.** (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menghendaki mana-mana jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan supaya mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki bagi membolehkan Perbadanan menjalankan fungsinya;
- (b) untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan;
- (c) untuk melantik mana-mana ejen, pakar atau perunding yang difikirkannya patut untuk membantu Perbadanan dalam melaksanakan fungsinya;
- (d) untuk merumuskan dan melaksanakan pembangunan sumber manusia dan program pembiayaan dan kerjasama bagi pelaksanaan fungsi Perbadanan dengan sepatutnya dan berkesan;
- (e) untuk bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Perbadanan;

- (f) untuk menubuhkan atau mengembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan syarikat atau badan-badan lain bagi menjalankan mana-mana aktivitinya;
- (g) dengan kelulusan Menteri, untuk memindahkan atau melupuskan mana-mana asetnya; dan
- (h) untuk melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasanya.

**Pewakilan fungsi dan kuasa Perbadanan**

**16.** (1) Perbadanan boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini kepada—

- (a) seorang anggota Perbadanan;
- (b) suatu jawatankuasa; atau
- (c) mana-mana pekerja Perbadanan.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa itu adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Perbadanan.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Perbadanan daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

**Arahan oleh Menteri**

**17.** Perbadanan hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang tidak bercanggah dengan peruntukan Akta ini dan Perbadanan hendaklah melaksanakan segala arahan yang diberi itu.

### **Penyata, laporan, akaun dan maklumat**

**18.** (1) Perbadanan hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan aktiviti dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Perbadanan dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

### BAHAGIAN IV

#### MAJLIS PENASIHAT

### **Majlis Penasihat**

**19.** (1) Suatu Majlis Penasihat ditubuhkan bagi maksud menasihati Perbadanan dalam menjalankan fungsi dan kuasa di bawah Akta ini.

(2) Nasihat Majlis Penasihat kepada Perbadanan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kepentingan orang Melayu di Kampong Bharu dan apa-apa perkara lain yang dirujuk kepadanya oleh Perbadanan berhubung dengan pembangunan Kampong Bharu.

(3) Nasihat Majlis Penasihat hendaklah diteliti, dikaji dan, jika bersesuaian, hendaklah diterima pakai oleh Perbadanan.

### **Keanggotaan Majlis Penasihat**

**20.** (1) Majlis Penasihat hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) Pengurus; dan

(b) tidak lebih daripada empat belas orang yang merupakan wakil masyarakat Kampong Bharu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “masyarakat Kampong Bharu” ertiannya tuan punya tanah dan pewaris tanah Kampong Bharu, termasuklah tuan punya tanah dan pewaris tanah di Kampong Bharu yang—

- (a) ialah anggota badan bukan Kerajaan yang mempunyai kepentingan dalam pembangunan Kampong Bharu; atau
- (b) terlibat dalam aktiviti komersial di Kampong Bharu.

(3) Jika mana-mana anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) terhenti menjadi anggota Majlis Penasihat kerana apa-apa sebab yang diperuntukkan di bawah Akta ini, Menteri boleh melantik mana-mana orang lain untuk mengisi kekosongan itu.

(4) Peruntukan dalam Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi anggota Majlis Penasihat.

(5) Menteri boleh meminda Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Tempoh jawatan**

**21.** Seseorang anggota yang dilantik di bawah seksyen 20 hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, tetapi tidak melebihi dua tahun.

### **Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

**22.** (1) Pelantikan mana-mana anggota Majlis Penasihat di bawah seksyen 20 boleh dibatalkan oleh Menteri.

(2) Seseorang anggota Majlis Penasihat boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**23.** (1) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Majlis Penasihat untuk bertindak secara sementara sebagai Pengerusi semasa tempoh apabila—

- (a) jawatan pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

(2) Anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh yang anggota itu melaksanakan fungsi sebagai Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai seorang Pengerusi.

### **Pengosongan jawatan dan pengisian kekosongan**

**24.** Jawatan seseorang anggota Majlis Penasihat yang dilantik di bawah seksyen 20 hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
  - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (e) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis Penasihat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Menteri;
- (f) dalam hal seorang anggota Majlis Penasihat selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis Penasihat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi;

- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau
- (h) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

### **Penzahiran kepentingan**

**25.** Peruntukan seksyen 13 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi anggota Majlis Penasihat.

### **Elaun**

**26.** Pengurus dan semua anggota lain Majlis Penasihat boleh dibayar apa-apa elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

## BAHAGIAN V

### PEKERJA PERBADANAN

#### **Ketua Pegawai Eksekutif**

**27.** (1) Menteri, dengan kelulusan Perdana Menteri, hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah seorang Melayu mengikut pengertian yang diberikan kepadanya di bawah Fasal 2 Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elauan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Perbadanan hendaklah meletakhkan pada Ketua Pegawai Eksekutif apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Perbadanan.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Perbadanan.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Perbadanan.

(8) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(9) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Perbadanan.

### **Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif**

**28.** Menteri boleh melantik mana-mana pekerja Perbadanan untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif semasa apa-apa tempoh apabila—

- (a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya.

### **Pelantikan pekerja Perbadanan**

**29.** Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja yang difikirkannya perlu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai bagi menjalankan maksud Akta ini.

### **Syarat perkhidmatan**

**30.** Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan syarat perkhidmatan pekerjanya.

### **Pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan**

**31.** Perbadanan boleh memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerjanya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Perbadanan.

**Pembayaran faedah persaraan, dsb.**

**32.** Perbadanan boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pekerjanya dan orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, pencen, ganjaran dan elaun lain yang ditentukan oleh Perbadanan tertakluk kepada Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239].

**Surcaj**

**33.** (1) Seseorang pekerja Perbadanan boleh disurcaj jika ternyata kepada Perbadanan bahawa dia—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Perbadanan yang pemungutan wang itu menjadi atau pernah menjadi tanggungjawabnya;
- (b) bertanggungjawab atau pernah bertanggungjawab ke atas apa-apa pembayaran wang daripada Perbadanan yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) bertanggungjawab atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain Perbadanan;
- (d) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau bertanggungjawab atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran, wang daripada Perbadanan kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Perbadanan; atau
- (e) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.

(2) Dalam seksyen ini, “pegawai perakaunan” termasuklah seorang pekerja yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab—

- (a) untuk memungut, menerima atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang Perbadanan;

- (b) untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, daripada apa-apa wang Perbadanan; atau
- (c) untuk menerima, menyimpan, melupuskan atau mengakaunkan, apa-apa barang simpan dan harta Perbadanan, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan tentang barang simpanan dan harta itu.

(3) Perbadanan hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

(4) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh notis disampaikan kepada seseorang di bawah subseksyen (3), Perbadanan boleh—

- (a) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan (1)(a), (b) dan (c), mensurcaj terhadap orang itu wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau nilai yang terkurang dalam harta itu atau nilai harta yang termusnah itu; dan
- (b) dalam hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan (1)(d) dan (e), mensurcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(5) Perbadanan hendaklah memberitahu orang yang disurcaj berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (4).

(6) Walau apa pun subsesksyen (4) dan (5), Perbadanan boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dikenakan, dan Perbadanan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu.

(7) Apa-apa amaun surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (4) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (6) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Perbadanan daripada

orang disurcaj dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Perbadanan dan boleh juga, jika diarahkan oleh Perbadanan, didapatkan melalui potongan—

- (a) gaji orang yang disurcaj; atau
- (b) penceن orang yang disurcaj,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

**Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.**

**34.** Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri, menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut, apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, surat pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

**Kumpulan Wang**

**35.** (1) Bagi maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu” ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah dikawal, disenggara dan ditadbirkan oleh Perbadanan.

(3) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Parlimen;
- (b) semua atau mana-mana bahagian fi, kos dan caj yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Perbadanan;

- (c) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urus niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Perbadanan;
- (d) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya;
- (e) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembangunan mana-mana kawasan pembangunan Kampong Bharu;
- (f) semua wang yang diperoleh daripada pelaksanaan apa-apa projek, skim atau perusahaan;
- (g) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Perbadanan;
- (h) wang yang dipinjam oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini;
- (i) semua wang yang diperoleh daripada khidmat perundingan dan nasihat yang diadakan oleh Perbadanan;
- (j) apa-apa sumbangan atau pelaburan yang diberikan oleh mana-mana orang bagi maksud pembangunan kawasan pembangunan Kampong Bharu; dan
- (k) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Perbadanan.

**Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang**

**36.** Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Perbadanan, termasuk fi dan kos;
- (b) membayar saraan, elaun, faedah dan belanja lain anggota Perbadanan, anggota jawatankuasa, anggota Majlis Penasihat dan pekerja Perbadanan;

- (c) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan apa-apa aset, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya;
- (d) membayar balik wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (e) pemberian pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerjaanya; dan
- (f) secara amnya, membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

### **Pemeliharaan Kumpulan Wang**

**37.** Perbadanan berkewajipan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan dan menunaikan fungsinya, dan menjalankan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Perbadanan mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun, tertakluk kepada arahan Menteri.

### **Kumpulan wang rizab**

**38.** Perbadanan hendaklah menu buhkan dan menyenggara suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**39.** (1) Perbelanjaan Perbadanan setakat amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum 1 Sepetember setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun kewangan yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum bermulanya awal tahun kewangan yang berikutnya, memberitahu Perbadanan mengenai amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau mengenai amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian perbelanjaan tambahan yang dimasukkan dalam anggaran tambahan itu.

### **Akaun bank**

**40.** Perbadanan hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana institusi kewangan atau institusi-institusi kewangan dalam Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan, selepas berunding dengan Menteri; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan setakat yang boleh dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana dua orang anggota Perbadanan yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

### **Kuasa untuk meminjam**

**41.** Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

### **Pelaburan**

**42.** Wang Perbadanan hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Perbadanan di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

**Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan**

**43.** Perbadanan boleh, atas arahan Kerajaan, menyebabkan supaya dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan apa-apa amaun daripada lebihan tahunan semasanya selepas tahun ketiga operasinya.

**Batasan kontrak**

**44.** Perbadanan tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Perbadanan dikehendaki untuk membayar atau menerima suatu amaun yang melebihi sepuluh juta ringgit.

**Tatacara kewangan**

**45.** Tertakluk kepada Akta ini dan kelulusan Menteri, Perbadanan hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri.

**Tahun kewangan**

**46.** Tahun kewangan Perbadanan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Akaun dan laporan**

**47.** (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan suatu akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan suatu laporan yang sepatutnya aktiviti Perbadanan disimpan dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

(a) penyata akaun Perbadanan yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan

(b) suatu penyata mengenai aktiviti Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun yang telah diperakui sah oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan kedua-duanya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

### **Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980**

**48.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Perbadanan.

### BAHAGIAN VII

#### AM

### **Pendakwaan**

**49.** Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

### **Pekhidmat awam**

**50.** Semua anggota Perbadanan dan anggota mana-mana jawatankuasa, dan pekerja dan ejen Perbadanan, semasa menuaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**51.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Perbadanan atau terhadap anggota Perbadanan, anggota jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

**Obligasi kerahsiaan**

**52.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Perbadanan—

- (a) tiada anggota Perbadanan atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Perbadanan atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Perbadanan atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada dalam atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini; dan
  - (b) tiada seorang lain pun yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Perbadanan boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Pewakilan dalam prosiding sivil**

**53.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Perbadanan;
- (b) dalam mana-mana prosiding sivil terhadap mana-mana pekerja berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini; atau
- (c) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang dalamnya Perbadanan dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Perbadanan bagi maksud itu boleh, bagi pihak Perbadanan atau pekerja tersebut, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan yang berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Perbadanan atau pekerja itu.

### **Kuasa untuk menubuhkan syarikat**

**54.** Perbadanan boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**55.** (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Perbadanan, membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi atau berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) menetapkan cara yang mengikutnya rekod dan dokumen yang hendak diuruskan berhubungan dengan pembangunan Kampong Bharu hendaklah disimpan dan disenggarakan;
- (b) menetapkan fi atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan; dan
- (c) memperuntukkan bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

### JADUAL PERTAMA

[Seksyen 6]

### **Masa dan tempat mesyuarat**

**1.** (1) Perbadanan hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan

syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu antara mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri.

### **Kuorum**

2. Pengerusi dan sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Perbadanan yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Perbadanan.

### **Undi Pemutus**

3. Jika mengenai apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Perbadanan terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

### **Perbadanan boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

4. (1) Perbadanan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan bagi maksud menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

### **Minit**

5. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Perbadanan, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Perbadanan yang berkenaan dengannya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### **Tatacara**

6. Perbadanan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—
- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Perbadanan; atau
  - (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

**Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan**

8. Anggota Perbadanan hendaklah menumpukan masa kepada urusan Perbadanan sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

**JADUAL KEDUA**

[Subseksyen 20(3)]

**Masa dan tempat mesyuarat**

1. (1) Majlis Penasihat hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Pengerusi, dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu.
- (2) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat jika diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri.

**Kuorum**

2. Pengerusi dan sekurang-kurangnya separuh daripada anggota Majlis Penasihat yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Majlis Penasihat.

**Undi pemutus**

3. Jika mengenai apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Majlis Penasihat terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

**Majlis Penasihat boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

4. Majlis Penasihat boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis Penasihat bagi maksud menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

**Minit**

5. (1) Majlis Penasihat hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Majlis Penasihat jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis Penasihat yang berkenaan dengan minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Tatacara**

6. Majlis Penasihat boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Majlis Penasihat; atau
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.